

# PM: Pas mahu Melayu. Lemah

UM 17 AUG 2002

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB  
dan JAMDI NASIR

**M**ARANG 16 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pas menyokong pertubuhan Cina, Dong Jiao Zong menentang pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik kerana ingin melihat orang Melayu lemah dan tidak berpengetahuan.

Apabila perkara ini terjadi, kata Perdana Menteri, lebih mudahlah bagi Pas menabur fitnah dan mengukuhkan pengaruhnya di kalangan orang Melayu.

Dr. Mahathir berkata: "Pas dan Dong Jiao Zong adalah sama. Kita tidak boleh sokong intelek Melayu (yang) bersama-sama Dong Jiao Zong lawan kerajaan.

"(Ini) kerana kita nak orang Melayu berilmu pengetahuan. Pas tidak suka orang Melayu berilmu pengetahuan."

- **PM: Buniyamin merasa bersalah terpaksa bersembunyi — Muka 2**
- **PUM bukan badan ulama sebenar kata PM — Muka 4**

Beliau mengingatkan orang Melayu tentang bahaya keriasama Pas dan Dong Jiao Zong itu ketika berucap pada majlis perasmian Konvensyen Barisan Nasional (BN) dan Perhimpunan Rakyat Terengganu di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Telanai, di sini hari ini.

Isu penentangan pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan yang sebelum ini oleh pertubuhan ekstremis Cina semakin panas apabila disertai oleh pakatan pembangkang.

Semalam, pakatan pembangkang merancang menggerakkan kempen bantahan rakasa di seluruh negara sekiranya kerajaan meneruskan dasar baru pendidikan itu.

Pengarah Pusat Penyelidikan Pas, Dr. Zulkifli Ahmad semalam berkata, dasar meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris itu akan menjejaskan penguasaan pelajar di sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan Cina dan Tamil terhadap kedua-dua mata pelajaran tersebut.

## PM: Pas mahu Melayu lemah

UM 17 AUG 2002

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, cadangan kerajaan itu bagi meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan terutama di kalangan orang Melayu.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir meminta rakyat jangan menyokong golongan **sebegini** yang hanya bertujuan untuk kepentingan politik mereka walaupun memundurkan orang-orang Melayu.

"Jika kita berilmu kita tahu apa sebenarnya ajaran Islam dan kita

akan menolak bulat-bulat parti Pas," tegas beliau.

Kata Dr. Mahathir, pendekatan politik melalui pelbagai dakyah dan fitnah yang digunakan oleh Pas selama ini adalah untuk mengekalkan sokongan rakyat kepada mereka.

Beliau menambah, sememangnya menjadi pendekatan Pas untuk terus menyebarkan fitnah dengan pelbagai cara supaya rakyat membenci serta menolak pimpinan kerajaan.

"Pas nak orang Melayu menjadi

bodoh dan diperalatkan oleh mereka dengan apa sahaja fitnah yang dilemparkan oleh mereka. Fitnah adalah pendekatan Pas meskipun fitnah lebih bahaya dari membunuh," ujar beliau.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob; Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamad Rahmat dan Timbalan Pengerusi UMNO Terengganu, Datuk Idris Jusoh.